

UPM lebih gemar merendahkan diri

SKUAD ragbi tujuh sepasukan Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak melihat kelebihan memiliki sembilan pemain yang mewakili negara pada Sukan Komanwel Birmingham 2022 baru-baru ini akan membantu mereka meraih pingat emas Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022.

Sebaliknya, jurulatih UPM, Mohamad Nazeer Nesharah, mengakui kelebihan yang dimiliki itu sedikit sebanyak memberi tekanan kepada pasukannya bagi mengharungi temasya kali ini.

“Itu sememangnya tekanan bagi pemain itu sendiri kerana mereka sedar ada tanggungjawab besar dan mereka pun membawa nama sebagai pemain Malaysia sebagaimana orang lain kenal.

“Saya pun ada berbincang dengan pemain di mana tekanan itu kita akan tukar kepada perkara lebih positif. Itulah yang kami buat dalam usaha meraih emas kali ini.

“Saya juga ambil itu sebagai kelebihan memandangkan mereka ada pengalaman bermain di peringkat antarabangsa tetapi pemain tidak harus mengambil mudah dalam setiap perlawanan,” katanya.

UPM bermula garang apabila menundukkan Universiti Selangor (Unisel) 41-0 dalam aksi pertama Kumpulan B di Padang Istiadat Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Rentak cemerlang itu diteruskan dalam aksi kedua apabila UPM menumpaskan Universiti Teknologi Petronas (UTP) 31-0 untuk menjadi juara kumpulan, sekali gus menempah slot kalah mati pada Ahad.

“Sememangnya kami sasarkan untuk mendapatkan pingat emas pada SUKIPT kali ini. Bagaimanapun, kami tidak mengambil mudah saingan daripada pasukan lain.

“Ini kerana pada temasya sebelum ini pun kami tidak dapat mempertahankan kejuaraan. Jadi saya punya motivasi kepada pemain lebih untuk merampas kembali kejuaraan acara ini,” ujarnya.